

AL-NUQUT DALAM ADAT PERKAHWINAN MASYARAKAT MELAYU

Mohd Rofaizal Ibhram, Mohamed Yusef Niteh, Maad Ahmad, dan Mohd Kamarul Khaidzir Saadan
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bangi, Selangor
mohdrofaizal@kuis.edu.my

Abstrak

Adat perkahwinan Melayu didalam sesuatu majlis perkahwinan adalah pelbagai dan merupakan adat yang paling dipegang teguh oleh kebanyakan orang Melayu daripada zaman turun temurun . Sumbangan Islam kepada masyarakat Melayu amat besar kerana mendasari cara hidup dan pandangan dunia masyarakat Melayu. Antara adat resam dalam majlis perkahwinan masyarakat melayu yang bercirikan amalan bantu-membantu atau sedekah yang amat di tuntutan dalam Islam ialah nuquth. memberi hadiah kepada pengantin, tuan rumah yang mengadakan kenduri sempena kelahiran ahli baru dalam keluarga, majlis berkhitan dan sebagainya Tulisan ini mengkaji amalan nuquth dalam adat perkahwinan msyarakat Melayu untuk melihat sejauh mana amalan nuquth pada hari ini menepati amalan bantu-membantu yang di tuntutan dalam Islam dengan mengemukakan pandangan ulamak dari kitab-kitab fiqh yang membicarakan perkara ini. Tulisan ini mendapati bahawa ulamak berbeza pandangan mengenai al-nuquth mengikut bagaimanakah amalan nuquth di amalkan.

Kata kunci: Adat perkahwinan, al-nuquth, masyarakat Melayu

1.0 PENDAHULUAN

Amalan pemberian wang dalam majlis perkahwinan telah menjadi budaya dalam kalangan masyarakat Melayu. Pada asalnya amalan ini bertujuan untuk membantu meringankan bebanan ahli keluarga yang mengadakan majlis tersebut. Namun demikian, timbul persoalan apabila kebanyakan ahli keluarga yang mengadakan majlis perkahwinan ini secara besar- besaran dan dilihat mewah. Adakah ahli keluarga yang mengadakan majlis besar-besaran tersebut perlu dibantu dengan pemberian wang tersebut sehingga pemberi wang itu pulak yang rasa terbeban. Oleh itu, adakah amalan ini masih relevan pada hari ini memandangkan sebahagian besar majlis perkahwinan pada hari ini dilaksanakan secara bermewah-mewah.

Dalam kamus dewan, amalan diertikan sebagai adat bererti peraturan yang lazimnya dijalankan sebagai warisan sejak dahulu kala. Istiadat pula bermaksud berbagai-bagai adat diikuti. Walimatul urus ialah adat perkahwinan yang lazimnya dilakukan oleh masyarakat Melayu bertujuan memberitahu kepada masyarakat bahawa pasangan tersebut telah pun berkahwin seterusnya mengelakan fitnah. Dalam adat walimatul urus yang di warisi ini terdapat beberapa juga beberapa kebiasaan yang dijalankan sebelum dan semasa walimatulurus, seperti rewang, mandi limau, menyambut menantu, cukai pintu dan makan beradap.

Tulisan ini memberikan hukum mengenai adat atau amalan memberi hadiah untuk mengadakan majlis perkahwinan dan juga pemberian wang ketika menghadiri majlis perkahwinan:

- (a) Pemberian barangan untuk mengadakan kenduri kahwin
- (b) Pemberian wang ketika menghadiri kenduri kahwin

1.2 Maksud Al- Nuqut

Adat memberi hadiah kepada pengantin, tuan rumah yang mengadakan kenduri sempena kelahiran ahli baru dalam keluarga, majlis berkhitan dan sebagainya merupakan kebiasaan yang berlaku di tanahair kita. Menurut istilah yang di gunakan oleh para ulamak untuk menggambarkan pemberian seperti ini ialah *al-nuqut* (طوقل). *Al-nuqut* merupakan pemberian atau hadiah kepada pengantin khususnya atau apa jua pemberian yang bersempena dengan sesuatu peristiwa seperti berpindah ke rumah baru dengan harapan mendapat balasan daripada penerima. Kebiasannya *al-nuquth* di kaitkan dengan pemberian yang di hadiahkan sempena majlis perkahwinan yang mewajibkan penerima untuk membalas pemberian tersebut.¹

Mengikut adat dan uruf setempat yang berbeza-beza, pemberian hadiah sempena majlis perkahwinan, kelahiran, berjaya dalam peperiksaan atau mendapat pekerjaan juga adalah pelbagai sama ada pemberi mengharapkan untuk mendapatkan balasan atau tidak. Pemberian hadiah di majlis khitan juga merupakan adat yang di warisi sejak turun temurun bahkan di kalangan bangsa arab juga. Menurut al-Subaki hadiah yang di bawa ke majlis khitan si anak menjadi milik bapa.(Al-Subki,)

Nukilan tersebut menunjukkan bahawa adat pemberian hadiah dalam majlis-majlis tertentu seperti khitan dan perkahwinan wujud sejak sekian lama.

Terdapat kebiasaan yang di amalkan oleh sebahagian penduduk di kawasan-kawasan tertentu yang mencatatkan setiap hadiah yang di terima beserta nama pemberi untuk di balas semula pemberiannya, ada pula yang memberinya sebagai hadiah atau hibah tanpa mengharapkan apa-apa balasan atau sebagai sedekah.

1.3 Al- Nuquth Dalam Masyarakat Melayu

Pemberian barangan untuk mengadakan kenduri kahwin telah lama wujud dalam masyarakat Melayu. Amalan ini di namakan dengan panggilan “menanam”.² Pemerhatian terhadap amalan ini menunjukkan bahawa pihak yang menerima pemberian perlu membalas semula pemberian tersebut dan kerana itulah amalan ini di namakan menanam. Tujuan sebenar amalan ini ialah untuk meringankan beban ahli keluarga, sanak saudara atau jiran sekampung untuk mengadakan kenduri kahwin.

Amalan pemberian wang atau hadiah berupa bahan makanan seperti minyak, gula, beras dan sebagainya yang di sumbangkan oleh penduduk setempat di antara mereka sudah menjadi adat kebiasaan dan amalan dalam masyarakat Melayu sejak sekian lama yang di teruskan sehingga kini di kampung-kampung dan juga bandar.

Pemberian wang kepada tuan rumah ketika menghadiri kenduri kahwin juga sudah menjadi kebiasaan dalam masyarakat Melayu. Nama-nama dan istilah yang digunakan dalam amalan pemberian wang ketika menghadiri kenduri kahwin adalah pelbagai mengikut negeri seperti wang berkat sebagaimana yang popular di kalangan penduduk daerah tanjung Karang Selangor, salam kaut juga dikalangan sebahagian penduduk Selangor dan salam keruk yang popular di negeri Johor.

Walimah atau kenduri kahwin dianjurkan oleh Islam untuk dilaksanakan sebagai tanda kesyukuran oleh pihak pengantin kerana telah diberikan Allah dengan rezeki pernikahan. Maka penganjuran walimah ini adalah sunnah dan dilakukan semata-mata sebagai tanda kesyukuran dan untuk berkongsi kegembiraan dengan orang ramai.

Rasulullah SAW sendiri pernah mengadakan walimah dengan hanya menjamu kurma yang telah dibuang bijinya dan dicampur susu atau gandum kepada para sahabat sempena perkahwinan baginda.

Dari Anas r.a beliau berkata:

“Setelah Nabi saw menikahi Shafiyah pada pagi harinya Nabi pun bersabda: “*Sesiapa yang memiliki sesuatu untuk disumbangkan, hendaklah disumbangkan*”. Beliau pun menghamparkan lembaran kulit yang disamak (sebagai bekas). Ada orang yang menyumbang keju, ada yang menyumbang kurma, dan ada yang memberikan minyak samin. Mereka pun membuat *hais* (campuran kurma tanpa biji, keju, tepung dan minyak).”

Hadis ini mengandungi anjuran kepada orang ramai terutamanya yang mempunyai kelebihan dari sudut harta agar menyumbang atau memberi sesuatu sebagai hadiah dalam majlis perkahwinan⁴. Anjuran yang disarankan oleh nabi SAW adalah untuk meringankan beban saudara-mara.

Namun pada zaman sekarang ramai orang memberi wang hanya kerana adat tanpa mengetahui ia adalah sunnah.

Salam “kaut”, salam “kukut”, salam “becak” dan salam “keruk” merupakan istilah yang digunakan oleh masyarakat melayu untuk menggambarkan pemberian atau hadiah kepada tuan rumah yang mengadakan kenduri kahwin. “Salam” yang di maksudkan disini ialah perbuatan bersalam sambil menghulurkan wang. Tetamu yang hadir kebiasaanya akan mencari tuan rumah sebelum beredar atau tuan rumah kebiasaanya sentiasa berada di pintu masuk/keluar khemah kenduri untuk menyambut tetamu yang hadir dan mengucapkan terima kasih bagi yang mahu beredar.

Namun terdapat juga tuan rumah yang nampak sangat mengharapkan pemberian dari pihak tetamu sehingga ada yang menyediakan bekas khusus untuk meletakkan “pemberian” tetamu sehingga timbul tanggapan bahawa pemberian tersebut mesti di lakukan atau berhadapan dengan perasaan malu. Terdapat juga tuan rumah yang menetapkan jumlah minima untuk ‘salam kukut’. Tetamu yang hadir akan anmpak tuan rumah akan kehulu dan kehilir bergentayangan membawa beg besar untuk menyimpan duit yang diperolehi melalui salam kukut.

Pemerhatian penulis dan aduan yang di terima menunjukkan banyak kes yang berlaku di mana tetamu menyerahkan sampul kosong atau tisu yang di gumpal seolah-olah mengandungi wang untuk tuan rumah. Perkara sedemikian berlaku kerana terdapat tetamu yang hadir merasa malu untuk melangkah keluar tanpa memberikan apa-apa kepada tuan rumah yang menunggu di pintu masuk/keluar khemah kenduri. Terdapat juga tuan rumah yang merungut apabila terdapat tetamu yang hadir dengan membawa sesisi keluarga namun tidak menghulurkan apa-apa. Ada pula yang mengata yang bukan-bukan kalau hanya seringgit dua yang di hulurkan. Ada pula yang mengungkit tidak adil kerana dia pernah menghulirkan lebih banyak apabila si fulan tersebut buat kenduri tak lama dahulu. Ada juga yang merungut kerana hadir kenduri kahwin sudah jadi seperti makan di kedai.

Terdapat juga mereka yang menerima undangan perkahwinan bersungut dan merasa berat untuk memenuhi undangan di sebabkan factor kewangan. Bayangkan jika dalam satu hari ada orang menerima 4 jemputan dan setiap jemputan yang di hadiri mesti di hulurkan “pemberian” paling kurang RM 10 atau RM 20.

1.4 Pandangan Ulamak Mengenai *Al-Nuqut*

Al-nuquth jika di lihat secara zahir termasuk dalam amalan sedekah, hibah dan hadiah yang hampir kepada amalan membantu secara kolektif atau takaful untuk membantu pihak yang mengadakan kenduri kahwin dan juga membantu mereka yang baharu berkahwin mengurangkan beban perbelanjaan memulakan kehidupan sebagai suami-isteri.

Kata imam al-Subki:

Terdapat adat kebiasaan yang di amalkan oleh sesetengah masyarakat di sebahagian tempat dengan meletakkan bekas di hadapan pengantin untuk orang ramai yang hadir meletakkan wang di dalamnya. Di Iskandariyah aku melihat sebahagian orang mencatatkan nama-nama pemberi hadiah dalam sebuah buku beserta jumlah pemberian mereka. Mereka (tuan rumah) bersungguh-sungguh akan membalas semula pemberian orang yang hadir ke majlis perkahwinan mereka dan kemungkinan mereka membalasnya dengan lebih banyak dari pemberian yang di terima. Di Kaherah adat ini juga telah tersebar namun orang-orang di Kaherah tidak terlalu menghiraukan balasan pemberian sebagaimana di Iskandiyah.⁶

Pemberian sedekah, hibah dan hadiah mestilah dilakukan dengan niat ikhlas tanpa menharapkan apa-apa balasan dari penerima. Para ulamak telah berbincang mengenai amalan ini dan memberikan pandangan yang berbeza.

Al-Ramli berkata:

Kemudian pemberian tersebut mengikut niat pemberi, jika tidak di tentukan maka pemberian tersebut menjadi hak milik sahibul farh iaitu orang yang di raikan dan dia bebas memberikannya kepada sesiapa sahaja. Dengan ini di ketahui bahawa 'uruf tidak di ambil kira dalam hal ini maka jelas sekali niat tersebut menyalahi 'uruf. Manakala pemberian yang tidak disertakan niat tertentu maka pemberian tersebut menjadi milik bapa, pembantu dan juga tuan majlis sebagaimana yang kebiasanya kerana kesemua mereka merupakan maksud pada 'uruf syara'.

Sebahagian ulamak bermazhab al-syafie seperti al-Bani dan al-Azraq menganggapnya sebagai *al-qardh* iaitu hutang yang boleh di tuntutan pada bila-bila masa. Menurut al-Ramli dan al-Bulqini *al-nuquth* merupakan hibah yang tidak boleh di tuntutan semula.

Syeikh Ibnu Hajar al-Makki al-Syafie di soal mengenai perkara ini dan beliau menjawab bahawa menurut al-Najm al-Balisi dan sebahagian yang lain *al-nuquth* adalah qardh atau hutang yang boleh di tuntutan semula oleh pemberi atau warisnya berbeza dengan pandangan al-Bulqini. Ibnu 'Imad juga berpandangan sebagaimana pandangan al-Najm al-Balisi kerana menurut beliau pemberian *al-Nuquth* merupakan *hibah fasidah* (hibah yang rosak) dan *qardh fasid* (hutang yang rosak atau batil kerana pembayaran di masa hadapan sama ada lebih banyak atau kurang dari pemberian pertama) disebabkan adanya kebiasaan membalas pemberian tersebut . Menurut Ibnu Hajar pandangan al-Bulqini lebih sesuai di amalkan. Menurut beliau maksud dan niat dan juga adat kebiasaan dalam perkara seumpama ini tidak boleh di ambil kira. Menurut Ibnu Hajar juga pemberi hadiah tidak boleh menuntut semula pemberiannya jika penerima tidak membalas pemberiannya walaupun penerima hadiah lebih tinggi kedudukannya dari pemberi hadiah walaupun pemberi berniat untuk mendapatkan balasan dari penerima.

Syeikh Ali al-Ajhuri al-Malikiy di soal mengenai adat yang berlaku di kalangan sekelompok manusia yang sering bertukar-tukar pemberian sesama mereka. Penerima hadiah tidak akan memulangkan bekas pemberian makanan melainkan dia membalas pemberian tersebut dengan pemberian makanan lain agar pemberi tidak terasa hati. Beliau berpandangan bahawa adat sedemikian merupakan adat yang keji dan perlu di hapuskan kerana boleh menghilangkan sifat saling memberi hadiah antara satu sama lain. Pemberi hadiah amat

berharap mendapat balasan dari pemberiannya dan penerima pula berusaha untuk membalas pemberian tersebut. Selain itu perbuatan tersebut menjerumuskan pelakunya ke dalam permasalahan menjual makanan dengan makanan secara bertanggung dan juga tidak sama kuantiti yang termasuk dalam hukum riba.

Para ulamak bermazhab hanafi berpandangan bahawa *al-nuquth* samada di kategorikan sebagai hibah atau qardh adalah mengikut uruf setempat. Pendapat ini lebih hampir kepada kebenaran untuk di amalkan memandangkan uruf juga perlu di ambil kira dalam memutuskan sesuatu hukum mentelah lagi pemberian *al-nuquth* amat berkait rapat dengan uruf setempat.

Walaupun uruf tidak menyatakan bahawa *al-nuquth* ialah qardh namun penerima masih boleh memberi hadiah kepada orang yang menghadiahkan sesuatu semasa hari perkahwinannya di masa hadapan dan pemberian tersebut tidak dikaitkan dengan akad hibah yang pertama.⁹

Amalan membalas pemberian orang adalah suatu sunnah kerana Nabi SAW amat gemar membalas pemberian berupa hadiah yang baginda terima.

Menurut pandangan dalam mazhab al-Syafie mengenai hibah mutlaqah, pemberian kepada seseorang yang lebih rendah kedudukannya daripada pemberi hibah tidak mengikat penerima hibah untuk membalas pemberian tersebut begitu juga menurut *iraqiyyun* mengenai pemberian hadiah di kalangan rakan dan taulan yang sama taraf kerana mengikut uruf. Namun begitu imam al-Juwaini memilih pandangan yang mengikat penerima hibah untuk memberi balasan kerana kebiasannya sahabat dan taulan mengharapkan balasan dari pemberian mereka¹¹.

2.0 KESIMPULAN

Adat pemberian *al-nuquth* dalam masyarakat Melayu tidak bertentangan dengan ajaran Islam yang menuntut penganutnya untuk bersedekah meringankan beban pokok yang mengadakan kenduri perkahwinan. Kedua-dua pihak harus faham dan sedar bahawa pemberian *al-nuquth* bukanlah suatu kemestian sehingga membebankan tetamu yang hadir. Menerima undangan ke majlis perkahwinan merupakan perkara yang amat di tuntutan dalam Islam dan tidak seharusnya di bebaskan lagi dengan tuntutan lain yang di luar kemampuan tetamu. Pemberian tersebut mestilah di niatkan untuk membantu pihak tuan rumah dan bukan kerana membayar “harga” makanan yang dihidangkan. Sekiranya pihak yang mendakan majlis perkahwinan melakukan pembaziran maka *al-nuquth* tidak lagi memainkan peranannya yang sebenar untuk membantu tuan rumah melaksanakan tuntunan sunnah mengadakan walimah.

3.0 RUJUKAN

1. Mughni al-muhtaj ila ma’rifat al-faz al-minhaj, 1997, Beirut-Lubnan
2. Al-ma’ani al-badi’ah fi makrifati ikhtilaf ahli al-syariah, 1999, Beirut-Lubnan
3. Al-Nawawi, tashih al-tanbih, 1997, muassasah al-risalah, Beirut-Lubnan.
4. Nihayat al-matlab fi dirayat al-mazhab, dar al-minhaj, 2007.
5. Hasyiah al-Jamal a’la minhaj
6. Al-fatawa al-fiqhiyyah al-kubra, Ibnu Hajar al-Haithami, Abd Hamid Ahmad Hanafi, Mesir, tanpa tarikh.
7. Al-majmu’ syarh muhazzab, maktabah al-irsyad, Jeddah- Saudi Arabia, tanpa tarikh.
8. al-Albani, Adabb al-zifaf, 1409H, al-maktabah al-Islamiyyah, Jordon.
9. Al-Qarafi al-Malikiy, al-zakhirah, 1994, dar al-qharb al-Islami.
10. Khairuddin Muhammad, Kebudayaan Melayu, 2014, penebitan multimedia Sdn. Bhd.

Rujukan hadis

Al-Sayuthi, Jamu' al-jawami', 2005, al-Azhar al-Syarif.

Temubual

Puan Rohaini Bt Amin, Ketua Jabaan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan, Pusat Pengajian Teras.

Puan Ayu Nor Azilah, Pusat Pengajian Teras.

Tn Haji Ramli, Penduduk Bandar Tasik Senangin, Lenggeng, N. Sembilan

En Ridza Pahlawi, Sijangkang, Klang.

Ustaz Ahmad Nazeer, Pensyarah KUIS, Pusat Pengajian Teras.